

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI NOH BIN OMAR (TANJONG  
KARANG)**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2019**

**SOALAN**

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [ Tanjong Karang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah warga asing yang telah berjaya mendapat status warganegara dari Mei 2018 hingga September 2019 mengikut negeri dan negara asal mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari bulan Mei 2018 hingga 15 September 2019, sebanyak 4,350 pemohon dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia. Daripada jumlah tersebut, perincian mengikut lima (5) kaum dan Negara asal tertinggi pemohon adalah seperti mana berikut:-

- i. Indonesia: 1,476 pemohon;
- ii. India: 446 pemohon;
- iii. Thailand: 306 pemohon;
- iv. Filipina: 171 pemohon; dan
- v. Vietnam: 102 pemohon.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT  
[ LUBOK ANTU ]  
**TARIKH :** 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

**SOALAN NO. 21**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini permohonan membina satu blok [12 unit kelas] di SMK Engkilili, Lubok Antu, Sarawak yang dalam keadaan terdesak sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengemukakan permohonan awal bagi projek pembinaan gantian penuh Sekolah Pusat Tingkatan 6 merangkumi 4 bilik darjah, asrama berkapasiti 200 murid, 4 unit rumah guru dan lain-lain kemudahan di SMK Engkilili, Lubok Antu, Sarawak dalam *Rolling Plan 2*, RMKe-11 Tahun 2017 dengan anggaran kos ketika itu berjumlah RM22.536 juta. Walau bagaimanapun, permohonan bagi projek tersebut tidak diluluskan oleh agensi pusat.

Sehubungan itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak boleh mengemukakan semula permohonan bagi projek tersebut sebagai satu keutamaan tinggi yang mendesak dalam pembidaan cadangan projek *Rolling Plan 1* RMKe-12 Tahun 2021. Walau bagaimanapun kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kedudukan semasa kewangan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF  
[ PETRAJAYA ]**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 22**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hala tuju pendidikan TVET dan adakah pendedahan diberikan kepada para pelajar yang berminat terutamanya mereka yang kurang menyerlah dalam bidang akademik akan peluang yang ada dalam bidang TVET.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) mulai tahun 2012 bagi mengangkat martabat pendidikan vokasional setaraf dengan pendidikan arus perdana. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025, TPV diperhebat apabila diletakkan menjadi salah satu Aspirasi Sistem, iaitu akses kepada pendidikan berkualiti. Matlamat TPV adalah untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran bagi keperluan industri di Negara kita. *Outcomes* TPV melalui kolej vokasional adalah melahirkan 70 peratus murid bekerja di industri, 20 peratus murid menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan 10 peratus untuk menjadi teknousahawan.

Selain itu, komitmen KPM dalam pemeraksanaan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) dapat dilihat melalui perancangan yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)). Pelan ini juga bermatlamat menjadikan bidang teknikal dan vokasional (TVET) sebagai pilihan utama seiring dengan matlamat melahirkan 35 peratus pekerja mahir dalam kalangan tenaga kerja negara menjelang 2020.

Hala tuju pendidikan TVET diperkukuhkan lagi dengan Jemaah Menteri memberi mandat untuk penubuhan Jawatankuasa Kabinet Pemeraksanaan TVET yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pendidikan dan dianggotai oleh sembilan Kementerian lain yang menawarkan program TVET di Kementerian masing-masing. Pendidikan TVET di negara ini juga akan terus dimantapkan dengan penerimaan pelajar dari kolej vokasional dan aliran Kemahiran Malaysia untuk mengikuti pengajian di universiti teknikal melalui artikulasi dan akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Buat pertama kalinya pada bulan September 2019, pelajar dari Kolej Vokasional dan aliran Kemahiran Malaysia boleh melanjutkan pengajian di institusi pendidikan tinggi setelah kerangka artikulasi dan akreditasi dimantapkan oleh MQA dengan bantuan *Malaysian Technical University Network* (MTUN).

## NO. SOALAN: 22

KPM sentiasa memastikan kualiti dalam perkhidmatan TVET menjangkau tahap standard yang ditetapkan oleh badan akreditasi melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), badan akreditasi dan profesional yang lain seperti Majlis Akreditasi Kejuruteraan Teknologi (ETAC) di bawah Lembaga Jurutera Malaysia, Malaysian Board of Technologist (MBOT), Lembaga Juruukur Tanah (LJT), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), *International Maritime Organisation* (IMO), *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission* (APACC) dan sebagainya. Agensi-agensi ini telah menetapkan standard piawaian akreditasi bagi program dan institusi yang perlu dicapai dalam memastikan graduan yang dihasilkan benar-benar berkualiti.

Menyentuh mengenai pendedahan dan peluang kepada murid yang kurang menyerlah dalam bidang akademik, antara peluang yang disediakan oleh KPM kepada murid-murid yang berminat terhadap bidang TVET adalah seperti yang berikut:

### **a. Program Diploma Vokasional Malaysia (DVM)**

Program DVM dilaksanakan di 85 buah Kolej Vokasional (KV) KPM dan 10 buah institusi latihan kemahiran swasta (ILKS) secara kaedah *buying places*. DVM ditawarkan kepada pelajar lepasan PT3 dan tempoh pengajian adalah 4 tahun 5 bulan. Pada dua tahun pertama pelajar melalui program sijil (pada usia 16-17 tahun). Setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, pelajar dianugerahkan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan layak meneruskan pengajian di peringkat diploma. Tempoh pengajian diploma adalah selama dua tahun pengajian dan lima bulan *On-the- Job Training* (OJT) di industri.

### **b. Program Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA)**

PVMA merupakan program kemahiran yang ditawarkan kepada murid lepasan PT3 di 349 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV). Tempoh program ini adalah selama dua tahun dan selepas menjalani program ini, murid yang layak serta kompeten akan mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2.

**c. Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA)**

PIMA merupakan program yang berkonsepkan *Apprenticeship* dan ditawarkan kepada 124 buah sekolah menengah kebangsaan. Program ini ditawarkan kepada murid lepasan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) yang mempunyai pencapaian rendah dalam akademik selama tempoh dua tahun. Di dalam tempoh seminggu pembelajaran, murid akan berada selama dua hari di sekolah untuk akademik dan tiga hari di industri untuk *hands-on learning*. Di akhir pengajian sekiranya layak murid akan mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan sijil testimoni daripada industri.

Selain daripada itu, beberapa program seperti pameran pendidikan, program *outreach* dan program kolaborasi industri merupakan antara promosi pengambilan pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti yang telah dijalankan bagi memberi pendedahan kepada pelajar.

Sekian, terima kasih.

RJM 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[ SEKIJANG ]**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 23**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan perancangan Kementerian bagi meningkatkan mutu pendidikan Bahasa Inggeris di sekolah rendah dan sekolah menengah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan kualiti pendidikan bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah rendah dan sekolah menengah. Melalui usaha sama KPM dan *Cambridge English* (2016-2020), pelbagai perubahan secara sistematik dilaksanakan terhadap pendidikan bahasa Inggeris.

Antara usaha yang dilaksanakan melibatkan penjajaran kurikulum Bahasa Inggeris, pentaksiran, latihan guru dan bahan sumber diujarkan kepada piawaian antarabangsa *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR). Usaha sama ini adalah berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Bahasa Inggeris yang dikenali sebagai *The Roadmap for English Language Education in Malaysia 2015–2025*. Pelan ini memperincikan perubahan dalam pendidikan Bahasa Inggeris pada peringkat prasekolah sehingga universiti termasuk pendidikan guru.

## NO. SOALAN: 23

Di samping itu, pelbagai program juga telah dilaksanakan oleh KPM bagi meningkatkan pendidikan bahasa Inggeris, antaranya ialah:

- a) Program *Fulbright English Teaching Assistant* (ETA) - program ini dilaksanakan di 100 buah sekolah luar bandar selama tiga (3) tahun bermula tahun 2018 hingga 2020 dengan penempatan *Fulbright Scholars* dari universiti di Amerika Syarikat sebagai pembantu guru. Sukarelawan ETA ini berperanan membantu guru melaksanakan pelbagai aktiviti pembelajaran Bahasa Inggeris di dalam dan di luar kelas.
- b) Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris Sekolah (PPKBIS) – program ini bertujuan untuk meningkatkan pencapaian bahasa Inggeris di sekolah *hotspot*, iaitu sekolah yang mempunyai peratus kelulusan Bahasa Inggeris di bawah 77 peratus peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. (SPM). Program melibatkan pengajaran Bahasa Inggeris melalui pendekatan pemulihan.
- c) *Highly Immersive Programme* (HIP) merupakan satu inisiatif untuk meluaskan penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid serta mewujudkan persekitaran yang menyokong penggunaan BI termasuk aktiviti dalam kelas, luar kelas, kelas tambahan dan program *Outreach*.

Sekian, terima kasih.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [ IGAN ]**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 24**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah kos sebenar untuk membina baru SMK Matu, Mukah dan di manakah lokasinya serta bilakah projek berkenaan akan dimulakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa projek pembinaan SMK Matu, Daro merupakan projek pembinaan gantian penuh 28 bilik darjah dan asrama bagi kapasiti 250 orang pelajar serta lain-lain kemudahan dengan anggaran kos berjumlah RM75 juta. Lokasi projek telah dikenal pasti iaitu di Lot 2864, Blok 5, Jemoreng. Projek ini diluluskan pelaksanaannya dalam *Rolling Plan* Kedua (RP2) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Tahun 2017. Sehingga kini, status projek ini sedang dalam proses pelantikan perunding yang dijangka pada 26 Oktober 2019. Agensi pelaksana bagi projek ini ialah Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak dan kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan sebaik perolehan dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT**  
**[ LUBOK ANTU ]**  
**TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 25**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini bekalan elektrik bagi sekolah yang berdekatan dengan grid elektrik [SESCO] Sarawak Energy Berhad serta bekalan air terawat dari sumber Jabatan Bekalan Air Luar Bandar [JBALB] bagi kemudahan pelajar, guru dan kakitangan sekolah yang berkaitan iaitu SK Nanga Kesit [elektrik dan bekalan air], SK Nanga Menyebat [elektrik], SK Ulu Lemanak [elektrik], SK Nanga Kumpang [elektrik dan bekalan air], SK Nanga Aup [elektrik dan bekalan air], SK Merbong [elektrik], SK Empelam [elektrik dan bekalan air], SK Ijok [elektrik dan bekalan air], SK Basi [elektrik dan bekalan air], SK Nanga Tebat [elektrik] dan SK Tabut [elektrik].

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan semua sekolah di bawah KPM mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap. Sehubungan itu, KPM juga bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak bagi memastikan projek penyambungan ke talian grid bekalan utama elektrik dan bekalan air awam di sekolah-sekolah di negeri Sarawak dapat dilaksanakan.

## **NO. SOALAN 25**

Berikut merupakan status terkini penyediaan kemudahan bekalan elektrik dan bekalan air awam kepada sekolah-sekolah yang berkenaan:

### **1. Sekolah Kebangsaan Nanga Kesit**

Bekalan air awam telah disambungkan ke sekolah ini pada tahun 2018 lagi.

Bagi penyambungan bekalan elektrik dari talian grid awam, cadangan pelaksanaan ini telah dimasukkan di bawah inisiatif pembiayaan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dengan peruntukan sebanyak RM100,340.00. Kerja-kerja penyambungan ke talian grid ini akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sendiri melalui agensinya iaitu Sarawak Energy Berhad (SEB).

### **2. Sekolah Kebangsaan Nanga Kumpang dan Sekolah Kebangsaan Nanga Aup**

Kemudahan bekalan air awam akan disambung ke dua (2) buah sekolah ini seawal tahun 2022 dengan anggaran kos sebanyak RM60,000.00 setiap sekolah. Jarak sumber bekalan air awam yang terdekat adalah dianggarkan sejauh 20 kilometer dari sekolah ini.

Seperti Sekolah Kebangsaan Nanga Kesit tadi, Sekolah Kebangsaan Nanga Kumpang dan Sekolah Nanga Aup ini juga telah dirangkumkan dalam cadangan pelaksanaan penyambungan ke talian grid awam di bawah pembiayaan Kerajaan Negeri Sarawak dengan anggaran peruntukan masing-masing berjumlah RM89,290.00 dan RM89,870.00. Kerja-kerja penyambungan ke talian grid akan dilaksanakan oleh SEB.

### **3. Sekolah Kebangsaan Merbong**

Isu berbangkit mengenai Sekolah Kebangsaan Merbong ini adalah berkenaan kemudahan bekalan elektrik. Berdasarkan kepada semakan pihak Kementerian, sekolah ini turut disenaraikan di bawah cadangan untuk penyambungan talian grid awam di bawah

## NO. SOALAN 25

pembiayaan Kerajaan Negeri Sarawak dengan anggaran peruntukan sebanyak RM48,240.00.

### 4. Sekolah Kebangsaan Empelam

Kemudahan bekalan air awam akan disambung pada tahun 2021 dengan anggaran kos sebanyak RM75,000. Kerja-kerja penyambungan bekalan air ini akan mengambil sedikit masa kerana jarak paling hampir dengan sumber bekalan air awam adalah sejauh 7 kilometer daripada sekolah.

SK Nanga Empelam termasuk dalam cadangan untuk penyambungan talian grid awam di bawah pembiayaan Kerajaan Negeri Sarawak dengan anggaran peruntukan sebanyak RM71,670.00.

### 5. Sekolah Kebangsaan Basi dan Sekolah Kebangsaan Ijok

Kedua-dua sekolah ini dijangka akan menerima kemudahan bekalan air awam seawal tahun 2022 dengan anggaran kos sebanyak RM60,000.00 setiap sekolah memandangkan jarak sekolah dengan sumber bekalan air awam yang terdekat adalah antara 11 dan 12 kilometer.

### 6. Sekolah Kebangsaan Nanga Tebat

SK Nanga Tebat termasuk dalam cadangan untuk penyambungan talian grid awam di bawah pembiayaan Kerajaan Negeri Sarawak dengan anggaran peruntukan sebanyak RM69,550.00.

Bagi sekolah-sekolah lain yang menghadapi masalah bekalan elektrik dan bekalan air terawat, pihak sekolah hendaklah memaklumkan dan mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) masing-masing agar tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR  
[ SETIU ]**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 26**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan implikasi penggabungan UMT dan UniSZA serta implikasi secara khusus kepada cawangan-cawangan universiti tersebut seperti di Tembila, Setiu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

**RASIONAL PENGGABUNGAN UMT-UniSZA**

Berdasarkan kepada kebolehpayaan dan kepakaran kedua-dua universiti, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 April 2019 telah mencadangkan supaya kedua-dua universiti ini digabungkan. Sehubungan dengan itu, Kementerian telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu yang diketuai oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT) untuk memastikan proses penggabungan ini dapat dilaksanakan dengan efisien dan efektif.

Melalui perbincangan awal pada 26 dan 27 September 2019, UMT dan UniSZA telah bersetuju untuk menggunakan peluang penggabungan ini bagi memperkasakan lagi kebitaraan bidang fokus kedua-dua buah universiti, mempertingkatkan kualiti perkhidmatan serta memberi lebih nilai tambah kepada mahasiswa, fakulti serta komuniti setempat.

Beberapa sesi libat urus telah diadakan bersama-sama pihak berkepentingan universiti iaitu Pengerusi LPU, pengurusan tertinggi, wakil-wakil staf akademik, staf pentadbiran dan sokongan, mahasiswa dan alumni. Kementerian juga telah mendapatkan maklumbalas daripada wakil-wakil agensi persekutuan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA). Sesi libat urus bersama Gabungan Majlis Presiden Dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti/IPTA Malaysia (GAKUM) juga telah dilaksanakan.

Dapatan awal perbincangan dengan pihak berkepentingan telah memperlihatkan keupayaan dan potensi UMT dan UniSZA sebagai sebuah universiti baharu yang menjadi peneraju terulung dalam integrasi keilmuan Islam dan sains terutamanya dalam bidang Ilmu Peradaban Islam dan Sains Kelautan. Rasionalisasi penggabungan UMT-UniSZA ialah:

## NO. SOALAN: 26

1. Melonjakkan pencapaian dan kecemerlangan akademik, penyelidikan dan pengantarabangsaan;
2. Melipat ganda kapasiti, keberhasilan dan impak sumber manusia, kepakaran dan fasiliti universiti;
3. Perluasan akses dan kemudahan, fasiliti, infrastruktur kepada para pelajar dan kakitangan. Perluasan akses dan kemudahan ini akan mempertingkatkan kualiti pembangunan pelajar dari segi akademik dan sahsiah;
4. Menjadi sebuah pusat rujukan kebitaraan di peringkat global dalam era merentas disiplin (transdisciplinary);

Justeru, penggabungan ini bakal memperkasakan hub pendidikan tinggi di negeri Terengganu serta memperkukuhkan kebitaraan bidang fokus sedia ada dan mengembangkan kebitaraan bidang fokus baharu dapat diwujudkan melalui aktiviti *transdisciplinary*. Kerajaan akan memastikan penggabungan ini tidak akan merugikan mana-mana pihak yang terlibat kerana ia dapat melonjakkan prestasi dan pencapaian universiti ke tahap yang lebih cemerlang di peringkat negara dan antarabangsa. Sesi libat urus bersama pihak berkepentingan akan diteruskan bagi melicinkan proses penggabungan dalam tempoh yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 26**